



SOALAN-SOALAN LAZIM PENERAJU TUNAS GELIGA

A. Mengenai Peneraju Tunas Geliga

1) Apakah program Peneraju Tunas Geliga?

Program Peneraju Tunas Geliga ialah satu program pembiayaan pendidikan tajaan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) untuk memberi peluang kepada murid Bumiputera lepasan Ujian Lepasan Sekolah Rendah (UPSR) yang berpotensi dan daripada latar belakang mencabar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah.

Program Peneraju Tunas Geliga ini dibuka kepada murid lepasan UPSR Tahun 2018 yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) atau Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi kemasukan Tahun 2019 sahaja.

2) Apakah statistik terkini penerima pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Geliga?

Seramai 1,222 orang murid sedang mengikuti program ini yang terdiri daripada pengambilan murid Peneraju Tunas Geliga sejak tahun 2013 dan seramai 123 orang telah menyempurnakan program ini pada tahun 2018.

Pengambilan murid ini akan dikenali sebagai Peneraju Tunas Geliga 7 (2018).

3) Apakah bentuk tajaan yang diterima oleh murid Peneraju Tunas Geliga?

Program Peneraju Tunas Geliga meliputi yuran sekolah dan asrama, elaun perbelanjaan sekolah, elaun bulanan serta Program Pemupukan dan Pembangunan Murid.

4) Apakah yang dimaksudkan dengan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM)?

PPPM ialah program berstruktur selama lima (5) tahun yang dilaksanakan untuk membantu murid mencapai tahap akademik dan sahsiah yang baik. Program ini sering dijalankan semasa cuti sekolah (tertakluk kepada perubahan) dan memanfaatkan murid dengan memberi sokongan motivasi, nasihat akademik, dan pengurusan sendiri.

B. Permohonan Dalam Talian (*Online*)

1) Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan bagi program Peneraju Tunas Geliga bagi tahun 2018 dibuka pada bulan Disember sehingga tarikh yang dimaklumkan di laman sesawang dan dibuka secara dalam talian (*online*).

Sebarang permohonan selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dilayan.

2) Bagaimanakah cara untuk memohon?

Permohonan dijalankan secara dalam talian (*online*) melalui laman sesawang www.yayasanpeneraju.com.my dengan merujuk bahagian “**Permohonan Dibuka**”

Ibu bapa atau penjaga digalakkan mengisi selengkapnya permohonan bagi mengelakkan sebarang ralat semasa menghantar permohonan tersebut. Penggunaan satu emel adalah terhad kepada satu (1) permohonan sahaja.

Pihak guru juga boleh menghantar permohonan melalui daftar akaun guru dan bilangan permohonan yang boleh dihantar melalui akaun guru adalah tidak terhad.

3) Apakah yang perlu saya sertakan bersama borang permohonan?

Pemohon **tidak perlu memuat naik sebarang dokumen** semasa permohonan dalam talian (*online*).

Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan selengkapnya dan memastikan bahawa permohonan tersebut **berjaya dihantar**.

4) Adakah saya perlu memohon untuk kemasukan ke SBP/MRSM/SABK sendiri?

YA. Calon perlu memohon sendiri di laman sesawang KPM atau MARA untuk mendapatkan penempatan di SBP/MRSM bagi kemasukan Tahun 2019.

Pihak Yayasan Peneraju tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan penempatan murid di sekolah.

5) Saya mempunyai ahli keluarga atau adik-beradik yang telah/sedang menerima tajaan Yayasan Peneraju. Adakah saya layak untuk memohon?

Calon dibenarkan untuk memohon pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Geliga 2018 ini, namun keutamaan akan diberikan kepada calon dalam kalangan keluarga yang tidak pernah menerima sebarang tajaan daripada Yayasan Peneraju.

C. Panggilan ke Sesi Penilaian dan Temuduga

1) Bilakah keputusan panggilan temuduga akan dikeluarkan?

Hanya calon yang berjaya DISENARAIPENDEK sahaja akan dihubungi untuk menghadiri sesi temuduga.

Keputusan calon yang layak ditemuduga akan dimaklumkan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

2) Bagaimanakah calon akan dimaklumkan mengenai panggilan temuduga?

Calon yang berjaya disenaraipendek untuk sesi temuduga akan dimaklumkan secara berperingkat mengikut tempat pilihan temuduga.

Calon akan dimaklumkan melalui SMS, emel dan juga panggilan telefon.

3) Sekiranya saya tidak berjaya disenaraipendek untuk temuduga, adakah saya boleh membuat rayuan?

Tidak. Keputusan adalah muktamad dan sebarang bentuk rayuan tidak akan diterima.

D. Sesi Penilaian dan Temuduga

1) Apakah yang perlu dibawa semasa sesi penilaian dan temuduga?

Calon dikehendaki memuat turun Lampiran 1 (Senarai Semak Dokumen) dan Lampiran 2 (Notis PDPA) yang disediakan di laman sesawang Yayasan Peneraju.

Setiap calon perlu membawa **semua salinan dokumen yang telah disahkan.**

Calon perlu membawa alat tulis sendiri (sekurang-kurangnya sebatang pen) semasa sesi penilaian dan temuduga.

2) Siapakah yang boleh mengesahkan salinan dokumen calon?

Salinan dokumen **wajib** disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar Sekolah Kerajaan / Wakil Rakyat / Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A) / Pengamal Undang-undang / Pengawai Polis Berpangkat ASP ke atas / Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas / Penghulu / Ketua Kampung / Imam Masjid / Penggawa / Tuai Rumah / Ketua Kaum atau Mukim yang bertauliah sahaja.

3) Bagaimanakah sesi penilaian dan temuduga dijalankan?

Calon perlu hadir bersama salah seorang daripada ibu/bapa/penjaga semasa sesi penilaian dan temuduga.

Calon dan ibu/bapa/penjaga akan ditemuduga secara berasingan pada hari yang sama.

4) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya tidak dapat menghadiri sesi penilaian dan temuduga?

Calon perlu memaklumkan kepada pihak Yayasan Peneraju melalui emel atau panggilan telefon sekiranya tidak dapat menghadiri sesi penilaian dan temuduga.

E. Tawaran untuk Penerima Peneraju Tunas Geliga

1) Bagaimanakah calon boleh menyemak keputusan temuduga?

Hanya calon yang **BERJAYA** dalam temuduga akan dihubungi oleh pihak Yayasan Peneraju melalui SMS/emel atau panggilan telefon.

2) Bagaimanakah surat tawaran dihantar?

Surat tawaran dan Perjanjian akan dihantar melalui pos ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan dalam permohonan.

Salinan imbas (*scanned copy*) akan turut dihantar kepada penerima melalui emel yang didaftarkan.

3) Apakah yang perlu dilakukan oleh penerima selepas mendapat surat tawaran?

Penerima wajib membalas surat tawaran dengan melengkapkan Borang Jawapan dengan menyatakan persetujuan sama ada menerima atau menolak tawaran .

Penerima juga diminta untuk mengembalikan semula Perjanjian beserta lain-lain dokumen yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan pada surat tawaran.

Pemulangan dokumen yang lengkap kepada Yayasan Peneraju amat penting bagi memastikan maklumat tawaran dapat disampaikan kepada pihak sekolah yang terlibat seterusnya melancarkan pergerakan elaun murid.

F. Penerimaan Elaun

1) Bagaimanakah pembiayaan pendidikan ini akan disalurkan?

Segala perbelanjaan berkaitan sekolah, asrama, keperluan murid, dan lain-lain akan disalurkan ke dalam akaun sekolah.

Manakala elaun bulanan murid akan disalurkan ke dalam akaun peribadi murid.

2) Adakah murid perlu membuka akaun bank peribadi?

Ya. Murid perlu membuka atau memiliki akaun bank peribadi bagi tujuan penyaluran elaun bulanan murid. Jenis bank pilihan akan dimaklumkan pada surat tawaran.

3) Berapakah jumlah tajaan bagi penerima Peneraju Tunas Geliga?

Jumlah tajaan bagi setiap tahun adalah berbeza mengikut ketetapan sekolah dan perbezaan tingkatan.

Jumlah tajaan ini mencukupi untuk menampung perbelanjaan murid sepanjang sesi persekolahan.

Sebarang persoalan lanjut daripada pihak Tuan/Puan mengenai Peneraju Tunas Geliga 7 (2018) boleh dikemukakan kepada pihak Yayasan Peneraju melalui:-

Emel : penerajutunas@yayasanpeneraju.com.my

Laman Sesawang : www.yayasanpeneraju.com.my

Telefon :03-2727 9000 atau 03-27279010

Facebook : Yayasan Peneraju